

06/10/1999

Pertanian tumpuan Negeri Sembilan alaf baru

M Noh Senan

SEREMBAN: Kerajaan negeri akan memberi perhatian khusus terhadap sektor pertanian dalam alaf baru dengan memperhebatkan program pengeluaran hasil makanan membabitkan tiga tunggak utama iaitu peladang, penternak dan nelayan.

Usaha itu selaras wawasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk menjadikan Malaysia pengeluar bahan makanan untuk keperluan tempatan serta eksport sekali gus mengurangkan pergantungan kepada bahan makanan import.

Pengerusi Penyertaan Bumiputera Dalam Perdagangan, Perindustrian dan Pertanian negeri, Datuk Shamsul Bahari Mat, berkata Negeri Sembilan memang tidak mahu ketinggalan untuk mengeluarkan hasil pertanian secara besar-besaran.

Katanya, ini memandangkan kawasannya yang sesuai luas dan subur. Namun apa yang seharusnya disedari ialah menjayakan program itu bukan suatu perkara mudah tanpa sokongan bersepadu semua pihak.

"Pelbagai agensi kerajaan menyediakan kemudahan seperti menyebarkan maklumat berkaitan kepada golongan sasaran dan tidak memberikan sebarang manfaat jika tidak dimanfaatkan golongan terbabit.

Sambil menggariskan beberapa program yang dijalankan di negeri ini, ahli Exco itu berkata bidang tanaman, khususnya komoditi buah-buahan dan sayur diberikan penekanan.

Dalam hal ini, fokusnya ialah pengeluaran buah-buahan dan sayur bermutu dengan hasil tinggi melalui penggunaan struktur pelindung hujan.

Setakat ini, keluasan tanah yang ditanam dengan buah-buahan ialah 1,64.46 hektar melalui 131 projek kelompok pertanian manakala 129.20 hektar untuk sayur membabitkan 75 projek kelompok pertanian.

Katanya, pengeluaran bahan makanan berprotein tinggi dan kalori rendah dari sumber dan hasil ternakan adalah sumbangan terpenting dalam memelihara kesihatan serta kesejahteraan penduduk.

Oleh itu, perkembangan industri hiliran dan pemprosesan untuk keluaran produk baru berasaskan ternakan sedang dan akan diterokai.

Langkah Jabatan Perkhidmatan Haiwan menyediakan strategi pembahagian dan pembangunan kawasan untuk pertumbuhan, pengeluaran dan pemasaran ternakan membolehkan pembangunan sektor itu lebih terancang dengan mengambil kira kesesuaian kawasan, kemampuan modal dan guna tenaga serta potensi perkembangan masa depan.

Industri ternakan air tawar tidak diabaikan dan Jabatan Perikanan menyediakan RM65 juta dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk membina Pusat Penyelidikan Air Tawar di kawasan 121 hektar di Mukim Gelami, Jelebu. Apabila siap pada 2002, ia adalah pusat penyelidikan ikan termoden di negara ini.

Bagi sektor perladangan, melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), seramai 22,000 peladang digembleng melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dengan pemilikan saham RM2.7 juta pada 1998.

Pertubuhan itu menjalankan pelbagai kegiatan perniagaan berasas pertanian dan berjaya mencatatkan isipadu perniagaan RM28.6 juta membabitkan pengeluaran bahan makanan seperti ayam daging, lembu daging, udang galah, buah-buahan dan sayur.

LPP turut memberi bantuan dan bimbingan untuk melahirkan 37 usahawan peladang membabitkan pelbagai bidang.

Shamsul Bahari berkata, apabila membincangkan bidang pertanian, aspek

pembangunan tanah tidak harus dilupakan yang membabitkan agensi tertentu seperti Felcra.

Agensi itu berjaya mengusahakan 62,904 hektar kawasan dengan tanaman getah, kelapa sawit, sayur, buah-buahan dan tanaman kontan di seluruh negeri.

Felcra juga mengumpulkan ahli untuk menternak 93,554 bebiri, lembu dan ayam kampung di samping mengusahakan 412 projek ternakair.

Felcra pula mengusahakan kawasan seluas 13,896 hektar dengan mengutamakan tanaman kelapa sawit dan getah.

Hasil daripada tanaman getah dan kelapa sawit, agensi itu mencatatkan pendapatan RM53.5 juta dengan keuntungan kasar RM29.3 juta.

Beliau berkata, melalui Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), kerajaan bersetuju menempatkan 650 peserta PPRT di negeri ini untuk mengisi 20 projek Felcra di bawah status tanah kerajaan yang belum diisi peserta.

"Adalah diharapkan dengan pegangan saham seluas 1.6 hektar seorang, dividen daripada projek itu akan dapat menambah sara hidup mereka di masa depan," katanya.

Beliau berkata, pembangunan pertanian tidak akan sempurna tanpa pembangunan infrastruktur dan sehubungan itu, Fama mewujudkan premis dan ruang pasaran seperti pasar tani.

Sehingga kini, ada 13 pasar tani di seluruh negeri dan bagi memastikan ia terus kekal dan jualannya meningkat, Fama sentiasa memberi penekanan dari segi barangan jualan bermutu manakala harganya berpatutan.

(END)